



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### **'INI WARISAN KITA': KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA KOMITED MEMELIHARA DAN MELESTARI BAHAN AUDIOVISUAL SEBAGAI WARISAN KHAZANAH NEGARA**

---

**KUALA LUMPUR**, 30 Oktober 2023 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2023 hari ini. Sambutan ini diadakan bertujuan untuk **menyebarkan luas kepentingan audiovisual dalam mewujudkan dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pemeliharaan warisan audiovisual.**

Mengangkat tema "***Your Window to the World***", penganjuran sambutan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM) ini adalah selari dengan inisiatif '**Ini Warisan Kita**' di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam usaha untuk memelihara dan melestarikan koleksi audiovisual sebagai khazanah negara dalam memupuk perpaduan dan integrasi nasional.

Audiovisual adalah warisan yang tidak ternilai yang merupakan penegasan kepada memori kolektif bangsa serta sumber pengetahuan yang amat berharga kerana mencerminkan kepelbagaian bangsa dan sosio-budaya dalam masyarakat. Kandungan maklumat bahan audiovisual adalah pengetahuan yang paling relevan pada masa lalu, antara aspirasi dan pengalaman.

Dalam majlis perasmian ini telah diadakan **Wacana Ilmu dengan tema "Mengabadikan Legasi Bangsa: Pelestarian Audiovisual di Masa Hadapan"** pada sesi pagi dengan menjemput tiga (3) panel yang mempunyai kepakaran dalam bidang pemeliharaan bahan audiovisual dan pada sesi petang bertemakan "**Audiovisual Wadah Pendokumentasian Aspirasi Bangsa**" dengan dua (2) panel yang mempunyai kepakaran dan pengalaman menghasilkan karya seni yang mempunyai elemen perpaduan dan kebersamaan sebagai rakyat Malaysia.

Turut diadakan ialah **program simbolik penyerahan koleksi persendirian bahan audiovisual daripada orang perseorangan, agensi Kerajaan dan pertubuhan kepada ANM**. Ini melibatkan penyerahan koleksi Encik Hassan bin Mutalib berkaitan filem animasi dan iklan-iklan karya beliau; koleksi Pendokumentasian & Pengkomersilan Audiovisual Digital Tapak Warisan Dunia UNESCO-MELAKA oleh Tuan Ts. Azharul Azmir bin Kamarulzaman, Pengarah *World Heritage Moving Image Centre* (WHMIC); Radio Televisyen Malaysia (RTM) berkaitan Dokumentari Khas Tekad Tunku Abdul Rahman: Perpaduan Negara dan koleksi video korporat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

YB Datuk Aaron berkata, “Masyarakat disaran agar dapat berkongsi dan menyumbang bahan koleksi audiovisual kepada ANM untuk disimpan dan dipelihara serta boleh dirujuk pada masa akan datang. Tambah beliau, “mulai tahun hadapan, **kesemua pertubuhan badan bukan Kerajaan yang menyumbang koleksi audiovisual akan diiktiraf sebagai “Rakan Perpaduan”**”.

Warisan audiovisual ini diharap menjadi wadah yang memberi impak kepada masyarakat dan generasi muda dalam menerapkan nilai-nilai murni seperti toleransi antara kaum, saling menghormati, prihatin dan bersatu padu selaras dengan hasrat Kerajaan membangunkan Malaysia MADANI dan menjadi masyarakat berbudaya tinggi.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

31 Oktober 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my  
No rujukan: KPN.UKK.100-15/5/4 Jld 2 (20)